

# Perang Teluk: 1991 Umat Islam patut rasa bersalah

KUALA LUMPUR 8 Nov.  
—Seluruh masyarakat Islam seharusnya berasa benalah kerana berlakunya perang Teluk baru-baru ini, kata Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mhamad.

Menurutnya, perang yang amat memalukan itu telah menyebabkan sebuah negara Islam yang bebas dan kuat terpaksa tunduk kepada kuasa-kuasa asing kerana bertinda k melulu tanpa perhitungan.

Kata beliau, tidak ada satupun keuntungan bagi agama Islam atau umat Islam daripada peperangan itu.

“Dalam perang Teluk ini, tidak ada sesiapa yang boleh menganggap diri mereka tidak bersalah,” kata Dato' Sri Dr. Mahathir semasa berucap di Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Menurut beliau, negara-negara Islam yang berperang sesama sendiri itu bersalah dan negara yang mendapat pertolongan negara bukan Islam untuk melindungi diri dan kemudian menyerang negara Islam lain juga bersalah.

Negara Islam yang tidak kuat dan tidak sanggup mele- raikan negara-negara Islam yang berperang sesama sendiri bersalah dan negara-negara Islam yang tidak mam- pu mempertahankan negara Islam yang lemah daripada ditakluki oleh jiran Islam ju- ga bersalah,” katanya.